



KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN PROJEK SMPPEM MENGURANGKAN INSIDEN KEBAKARAN HUTAN PAYA GAMBUT

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sedang mengambil beberapa inisiatif untuk mengelakkan berlakunya kebakaran tanah gambut dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan.

Malaysia dijangka akan mengalami keadaan cuaca kering berikutan berlakunya fenomena El-Nino pada tahun ini. Risiko daripada keadaan ini ialah kemungkinan berlaku peningkatan kebakaran tanah gambut di seluruh negara yang boleh menyebabkan jerebu dan pelepasan karbon dioksida ke atmosfera.

Justeru, di antara inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk mengelakkan berlakunya kebakaran tanah gambut adalah pelaksanaan projek *Sustainable Management of Peatland Ecosystems in Malaysia* (SMPPEM) yang bertujuan menguruskan tanah gambut di Malaysia secara mampan dan bersepadu untuk memulihara sumber, mengelakkan degradasi dan kebakaran serta menjana faedah kepada generasi pada masa kini dan masa hadapan melalui pendekatan secara holistik dengan memperkasakan tatakelola institusi, meningkatkan koordinasi antara agensi dan penglibatan masyarakat setempat.

Antara hasil awal yang dapat diperolehi daripada aktiviti projek SMPPEM ini dan Projek Pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu Projek Pengurusan dan Konservasi Hutan Simpan Paya Gambut dalam Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia adalah mengawal dan mengurangkan insiden kebakaran hutan paya gambut di Semenanjung Malaysia.

Ini dapat dilihat dengan pengurangan insiden kebakaran hutan paya gambut di Semenanjung Malaysia pada tahun 2023 yang hanya melibatkan keluasan sebanyak 25.2 hektar berbanding seluas 385.2 hektar pada tahun 2020. Begitu juga bagi negeri Selangor dan Pahang, yang mana keluasan kebakaran Hutan Paya Gambut pada tahun 2020 masing-masing adalah 160 hektar dan 171.7 hektar dan telah berkurangan kepada 6.9 hektar dan 2.1 hektar sahaja pada tahun 2023.

Projek ini telah bermula pada Disember 2020 dan melibatkan 5 landskap tanah gambut di Sabah, Sarawak, Pahang dan Selangor. Salah satu aktiviti utama projek ini ialah mengemaskini Pelan Tindakan Tanah Gambut Kebangsaan (NAPP). Dokumen ini bertujuan memandu pelaksanaan pengurusan tanah gambut secara mampan, mencegah kemerosotan dan kebakaran hutan serta menghasilkan manfaat untuk generasi akan datang.

Aktiviti pencegahan kebakaran tanah gambut dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat juga dijalankan di bawah projek SMPPEM. Selain itu, aktiviti pencegahan kebakaran tanah gambut di bawah projek ini juga melibatkan latihan kepada kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri dan komuniti setempat, pembelian peralatan pengawalan kebakaran hutan, menjalankan aktiviti kesedaran kepentingan tanah gambut, program restorasi hutan paya gambut dan pemantauan paras air dalam tanah gambut.

Saya menyeru supaya kerjasama kolektif daripada pelbagai pihak diperkukuhkan untuk memulihara dan memelihara ekosistem tanah gambut yang sangat berharga demi generasi masa kini dan akan datang.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
14 FEBRUARI 2024